

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN NO. 146

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Pusat berhasrat menaik taraf kelengkapan makmal sedia ada kini. Apakah SOP berhubung pelaksanaan kajian makmal yang dipraktikkan kini terutamanya membabitkan kes-kes pencemaran air (termasuk pertumbuhan alga) serta tempoh bagi memperolehi laporan akhir sebelum tindakan lanjut diambil atau diputuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Pusat berhasrat menaikkan taraf kelengkapan makmal sedia ada dan permohonan pembelian peralatan kajian makmal berkaitan pembangunan kaedah-kaedah baru dan terkini termasuk juga pembelian bahan Kimia dan konsumabel akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Ke 12(RMK12). Kelengkapan makmal yang lebih baik akan dapat memberikan keputusan yang lebih tepat, meluaskan skop analisis dan memendekkan tempoh siap laporan.

2. Kajian makmal atau kaedah analisis di Jabatan Kimia di buat dengan menggunakan kaedah analisis yang telah diiktiraf oleh pakar-pakar professional atau pensijilan seperti *America Public Health Association (APHA)*, *The United State Environmental Protection Agency (EPA)*, *Australian Standard (AS)*, *International Organization for Standardization (ISO)* dan kaedah analisis dalaman (*in-house test*

method) yang mana kesemuanya telah mendapat akreditasi. Tempoh laporan akhir adalah bergantung kepada parameter yang dianalisis dan jumlah parameter yang diminta tetapi tidak lebih dari 30 hari. Terdapat sebanyak 33 kaedah analisis bagi kes pencemaran air manakala bagi kaedah analisis pencemaran alga masih dalam pembangunan dan dijangka siap pada bulan September 2019.

Sekian, terima kasih.